

08/05/2001

Sistem kuota masuk IPTA perlu dikekalkan

KUOTA pengambilan pelajar memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk Bumiputera dan bukan Bumiputera ditetapkan pada nisbah 55:45. Pelbagai sebab menjadi asas pertimbangan dalam memutuskan kuota berkenaan, antaranya untuk menjamin peluang pendidikan pelajar Bumiputera dan pada masa sama tidak pula menutup peluang pelajar kaum lain. Dibandingkan dengan di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), keadaannya jauh berlawanan dengan hanya 25 peratus enrolmennya adalah Bumiputera. Namun, atas persefahaman yang wujud di samping kesedaran perlunya pelajar Bumiputera dibantu selain mewujudkan keseimbangan pencapaian dalam bidang sains dan profesional, agihan pelajar ke IPTA lazimnya tidak menimbulkan banyak pertikaian.

Namun, keadaannya agak berbeza kali ini. Menurut Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, walaupun jumlah calon yang memohon untuk memasuki IPTA bagi sesi 2001/2002 bertambah, jumlah yang boleh diambil merosot 15 peratus. Selepas pengambilan dilakukan, masih terdapat 7,168 kekosongan kerana kelulusan pelajar Bumiputera kurang menggalakkan atau ringkasnya gagal memenuhi kelayakan minimum untuk mendapat tempat. Susulan kepada itu, timbul desakan agar baki kekosongan bagi kuota Bumiputera itu diisi oleh bukan Bumiputera, meskipun ia menimbulkan keresahan sesetengah pihak. Secara logiknya, tidak wajar kekosongan berkenaan dibiarkan ketika masih ramai pelajar bukan Bumiputera yang memenuhi kelayakan sekalipun kuota buat mereka di IPTA sudah dipenuhi.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membayangkan kesediaan kerajaan menghapuskan sistem kuota bagi kemasukan pelajar ke IPTA jika langkah itu dipersetujui rakyat. Sekiranya dihalusi, kenyataan Perdana Menteri itu sebenarnya bermaksud sebagai amaran kepada pelajar Bumiputera agar lebih menghargai peluang dan kemudahan yang diwujudkan buat mereka selama ini. Pelajar Bumiputera tidak boleh selama-lamanya menggandaikan tempat akan sentiasa tersedia buat mereka, apatah lagi jika jurang pencapaian dengan pelajar bukan Bumiputera terus melebar. Andainya itu berlaku, pelajar Bumiputera harus menyalahkan diri sendiri jika tempat yang sepatutnya terluang buat mereka sebaliknya diisi oleh pelajar kaum lain yang lebih cemerlang.

Sebelum ini, turut dilaporkan ada pelajar bukan Bumiputera yang mendapat 10A keciciran tempat ke IPTA. Sambil kita akur pelajar secemerlang itu wajar diberikan tempat, namun kesilapan yang mungkin menyebabkan hanya segelintir daripada mereka tercicir tidak harus diperbesar-besarkan sehingga menggambarkan sistem kuota yang sedia ada memerlukan semakan semula. Barangkali juga sistem penyaringan komputer oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dalam pemilihan pelajar ke IPTA turut perlu diperbaiki. Kesilapan pelajar mengisi borang, pemilihan keutamaan kursus yang ditawarkan mengikut kelayakan minimum serta pilihan IPTA yang dihajati adalah lumrah dan tidak seharusnya menjadi halangan dalam mendapatkan tempat asalkan memenuhi syarat. Kita berasakan sistem kuota yang sedia ada tiada cacat-celanya dan hendaklah terus dipertahankan ketika pelajar Bumiputera masih memerlukan bantuan untuk berjaya dalam bidang pendidikan, cuma sistem pemilihannya yang perlu dipertingkatkan agar lebih telus dan adil.

(END)